

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



MOHD ASRI ZAINUL ABIDIN, DATO'  
**Aku ingin kembara lagi**  
Shah Alam : Grup Buku Karangkraf, 2014. 257ms.  
ISBN 978-967-86-0431-4

## ULASAN

Buku ini ditulis sendiri oleh Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Asri Zainul Abidin atau lebih dikenali dengan panggilan Dr. MAZA. Buku ini merupakan himpunan pengalaman beliau semasa bertugas sebagai fellow di OCIS, Oxford. Anak jati Bukit Mertajam ini berada di Oxford selama 11 bulan sekitar tahun 2011-2012 atas tawaran daripada British Council.

Dr. Maza menyifatkan setiap insan sentiasa mengembara di alam maya kerana perjalanan diari kehidupan sendiri bermula dari hari dilahirkan sehingga saat menemui kematian. Pada pandangan beliau, Bandar Oxford jauh lebih indah daripada kebanyakan bandar lain di United Kingdom dan Eropah, termasuk London. Bandar Oxford boleh dianggap sebagai bandar ilmu dimana terdapat lebih empat puluh buah kolej ilmu yang bersejarah lagi berprestij tersergam indah dibandar ini. Saban hari ianya penuh dengan aktiviti ilmu sama ada berbentuk seminar, diskusi, forum dan seumpamanya.

Jika dilihat daripada senibina dan rekabentuk bangunan sekitar bandar Oxford dapat disimpulkan bahawa di sini asalnya tempat pengajian agama Kristian. Sejak kurun ke-12 iaitu selepas tahun 1167, Oxford melalui pelbagai sejarah. Agama Kristian telah menjadi teras pegangan penduduknya dan pembinaan pusat pengajian di sini telah terbabit dalam pelbagai konflik politik dan agama.

Majoriti orang bukan Muslim di Barat jauh lebih berdisiplin dalam hubungan mereka antara sesama manusia jika dibandingkan sesetengah Muslim yang lain. Hakikatnya dalam kehidupan peribadi ramai daripada penduduk Oxford menepati janji, jujur dalam pekerjaan, mempunyai nilai simpati yang tinggi terhadap manusia, haiwan dan alam. Banyak usaha menderma bagi program bantuan kepada kefakiran dan bencana alam. Namun dalam masa yang sama, tidak dinafikan sebagai manusia mereka tetap mempunyai budaya yang negatif. Penulis menyifatkan masyarakat Oxford agak ganjil dalam banyak perkara kerana mereka cuba mengasingkan agama dari ruangan awam tetapi dalam masa yang sama mengisyiharkan negara mereka sebagai negara beragama. Ini mungkin disebabkan maksud agama itu mungkin berbeza dengan apa yang kita hayati ataupun itu merupakan satu kenyataan yang mempunyai agenda politik yang tersendiri.

Seperti mana pengembara lain, Dr. Maza menganggap kembara sering membuat insan berfikir dan merenung kembali banyak perkara yang dilihat dan menilai banyak perkara yang dipegang. Ramai para imam yang mengubah pandangan mereka disebabkan perubahan tempat seperti Imam al-Syafi'e yang mengubah fatwa-fawa beliau di Iraq apabila melihat keadaan baru di Mesir. Buku ini sesuai dibaca oleh semua golongan masyarakat tanpa mengira pegangan fahaman agama kerana mencoretkan pengalaman penulis sepanjang berada di Oxford. Setiap coretan dan pengalaman beliau boleh dijadikan iktibar dalam mengharungi kehidupan di muka bumi ini.

---


**Pengulas:**

***Iliza Ismail***

Penolong Pengarah  
Bahagian Pembinaan Koleksi  
Perpustakaan Negara Malaysia

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



**Cerita cinta Ahmad Ammar**  
Shah Alam : Grup Buku Karangkraf (Karya Bestari),  
2014. 359ms.  
ISBN 978-967-86-0430-7

## ULASAN

Buku *Cerita Cinta Ahmad Ammar* - Insan yang tidak berapa dikenali semasa hidupnya namun menjadi sebutan setelah beliau meninggal dunia. Istimewanya buku Ahmad Ammar ini adalah buku ini ditulis oleh 16 penulis yang terdiri daripada ahli keluarga terdekat dan kenalan rapat Allahyarham sendiri. Ia ditulis berdasarkan perspektif mereka sendiri. Antara yang menulis ialah, ibu, ayah, kakak, abang ipar, kawan-kawan daripada ABIM, serta kawan-kawan beliau dari Universiti di Turki.

Siapa Ahmad Ammar Bin Ahmad Azam ini? Beliau seorang rakyat Malaysia yang belajar di Turki. Baru berusia 20 tahun. Seorang pelajar cemerlang SPM 2010 di Maktab Tentera Diraja (MTD) dan memilih menyambung pengajian dalam bidang Sejarah di Turki. Allahyarham Ahmad Ammar seorang ahli Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) yang aktif dan bapanya Tuan Hj. Ahmad Azam Abdul Rahman merupakan Presiden ABIM untuk tahun 1997-2005.

Pada pagi kejadian, Ammar keluar menuju rumah pelajar-pelajar baru dari Asia Tenggara dengan semangat untuk berkongsi ilmu dan bermuzakarah Rasail Nur karangan Imam Bediuzzaman Said Nursi. Malah catatan terakhirnya dan dimasukkan ke dalam beg sandang sebelum beliau dilanggar berbunyi:

“Perlu ada keredhaan Allah dalam amalan kalian. Sekiranya Allah redha sedangkan seluruh dunia berpaling daripadamu, maka itu tidak penting. Jika Dia telah menerima amalanmu sedangkan seluruh makhluk menolak maka ia tidak memberi apa-apa kesan pun... Kerana itulah sepatutnya hanya redha Allah semata-mata yang menjadi tujuan utama di dalam khidmat dakwah ini.”

Seperti yang dicatatkan ayahandanya Tn. Hj. Azam, beliau sempat melintasi jalan, namun kehilangan imbangan badan dan terjatuh lalu dirempuh sebuah ambulans. Beliau pergi pada usia 20 tahun. Penuntut tahun dua Universiti Marmara ini amat rindukan syahid. Rupa-rupanya Ahmad Ammar ini telah pun menyaksikan "bidadarinya" di dalam mimpi semasa misi kemanusiaan di Syria sehingga beliau tidak lagi menoleh ke kiri atau ke kanan dalam mengejar cita-citanya. Walaupun begitu, beliau sedar yang misinya ke Turki adalah untuk menuntut ilmu. Justeru, beliau kembali semula ke Turki untuk meneruskan pengajiannya di samping berdakwah.

Istimewanya Ammar kerana jasadnya telah disemadikan di Perkuburan Eyub Sultan menghadap Laut *Golden Horn*, dan di situ juga menempatkan lebih 60 jasad para sahabat nabi, auliya', panglima Uthmaniyyah dan orang-orang kenamaan di Turki. Inilah jasad orang Malaysia yang pertama dikebumikan di sini.

Kematianya dikaitkan dengan penghijrahan sahabat Nabi, Abu Ayyub al-Ansari dari Madinah ke Konstantinopel (Istanbul) yang akhirnya syahid di kota itu. Begitulah juga dengan perjalanan hidup Ammar yang berhijrah dari Malaysia ke Istanbul, yang dikatakan syahid ketika dalam perjalanan untuk mengajar *Tafsir Risalah An-Nur* kepada pelajar baru dari Malaysia, Thailand dan Kemboja.

Dalam usia yang muda, Ahmad Ammar begitu aktif dalam aktiviti sukarelawan, menyertai misi kemanusiaan seperti di Syria. Dia juga selalu berhasrat untuk syahid

setiap kali dia menyertai misi kemanusian. Namun hasrat beliau tertangguh. Di kalangan kawan-kawannya, mereka menyatakan kematiannya adalah syahid yang tertangguh. Beliau pergi dua minggu sekembalinya dari Syria.

Buku ini sesuai dibaca oleh anak muda, pelajar sekolah dan universiti serta orang awam. Ibu bapa juga digalakkan membaca buku ini untuk mendapatkan 'idea' serta motivasi. Diharap dengan adanya buku kisah perjuangan Ahmad Ammar ini, akan membuka mata anak muda kita untuk mengikut contoh yang baik seperti beliau.


**Pengulas:**

***Nor Hidayah Othman***

Penolong Pengarah  
Pusat Bibliografi Negara  
Perpustakaan Negara Malaysia

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



ASFANDIYAR, ANDI YUDHA  
**Creative parenting today**

Batu Caves, Selangor : PTS Millenia, 2014. 125ms.

ISBN 978-967-411-145-8

## ULASAN

Kaedah mengasuh dan mendidik anak-anak secara kreatif akan dapat menjadikan kanak-kanak tersebut lebih maju selangkah dari zaman mereka. Anak-anak akan menjadi lebih yakin dan berani mencerap idea yang diperolehi daripada kehidupan sekeliling. Mereka akan lebih inovatif dalam melakukan perubahan ke arah yang lebih baik dan positif.

Asuhan ibu bapa yang mengaplikasikan kreativiti mereka dalam pengendalian kehidupan anak-anak akan menghasilkan satu sesi pembelajaran dan pengajaran yang lebih menarik, tidak bosan, malah akan mewujudkan suasana bahagia. Imaginasi kreatif lebih penting daripada menghimpunkan banyak pengetahuan. Oleh itu buku *Creative Parenting Today* ini boleh dijadikan bahan rujukan santai kepada ibu bapa yang memerlukan idea cara bagaimana untuk mendidik anak-anak mereka mengikut perubahan semasa.

Apa yang menarik tentang buku ini bagaimana isu kreativiti itu sendiri dipersembahkan dengan begitu kreatif dan menarik oleh penulis. Penggunaan grafik ilustrasi, peta minda dan gaya bahasa yang santai banyak membantu menjadikan buku ini menarik, mudah diterima dan difahami.

Susunan isi kandungan mengikut kronologi yang berkembang. Walaupun hanya terbahagi kepada tujuh bab utama, tetapi maklumat yang disampaikan lebih terperinci dan menarik. Bermula dengan bab pertama lebih fokus menerangkan perkara asas tentang apa itu kreatif dan kreativiti. Cerapan idea tentang perkara ini menjadikan pembaca berpandangan bahawa kreativiti itu boleh menjadi sesuatu yang mengejutkan, menyenangkan dan mengagumkan kepada individu.

Rasional tentang mengapa ibu bapa perlu bersikap kreatif dalam mendidik anak-anak mereka diterangkan dengan begitu bersahaja dan diiringi dengan penulisan kreatif yang ringkas untuk dijadikan bukti pengajaran. Jelas teknik penyampaian menerusi cerita ini akan membuat pembaca berfikir dan berimajinasi untuk mencari jawapan kepada setiap persoalan berkaitan penjagaan anak-anak.

Idea tentang kreativiti penjagaan anak-anak ini diperincikan lagi dalam bab yang ketiga. Persoalan berkaitan dasar mendidik anak-anak dijelaskan mengikut kronologi yang mudah difahami. Bermula dengan pendidikan bayi dalam kandungan, diikuti dengan perkembangan fasa seperti bayi, kanak-kanak, remaja dan belia.

Dalam bab yang seterusnya, penulis membawa pembaca kembali kepada fitrah manusia. Penerangan berkaitan untuk mendidik seseorang kanak-kanak, ibu bapa mestilah memahami dunia anak mereka. Dunia bermain, cara mereka berfikir dan perkembangan anak akan mempengaruhi kepintaran majmuk anak-anak mereka.

Seterusnya, buku ini memperincikan berkaitan kreativiti anak dan bagaimana ibu bapa menterjemah kreativiti itu menjadi perangsang karakter yang positif kepada anak-anak mereka. Pertanyaan dijadikan kata kunci utama dalam memastikan karakter anak-anak berkembang ke arah kebaikan.

Selain itu, penulis turut memperkatakan tentang cara bagaimana untuk melatih diri untuk berfikir secara kreatif. Ibu bapa yang kreatif akan dapat menjana pemikiran kreatif anak-anak mereka. Turut dimuatkan dalam buku ini adalah tentang pengalaman dan tip-tip praktikal berkaitan penjagaan anak-anak menggunakan contoh dan tauladan. Pengalaman dan praktikal tersebut dimasukkan juga elemen-elemen keagamaan.

Sesungguhnya semua pengajaran di dalam buku ini digarap dengan menitikberatkan 20 perkara penting. Antaranya adalah berkaitan pentingnya kestabilan emosi, kemahiran berkomunikasi, faham akan undang-undang dan peraturan, belajar dari pengalaman, fokus dalam perbuatan dan yakin membuat keputusan.

Walaupun hanya setebal 125 mukasurat, buku ini boleh dikategorikan sebuah buku santai yang penuh dengan pengetahuan. Sesuai untuk ibu bapa yang mengimpikan kehidupan yang sempurna untuk anak-anak mereka.

---


**Pengulas:**

***Izlin Ahmad***

Penolong Pengarah  
Bahagian Pembangunan Modal Insan  
Perpustakaan Negara Malaysia

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



**Diet vitamin & herba penyembuh penyakit**  
Rawang, Selangor : Pustaka Ilmuwan, 2014. 211ms.  
ISBN 978-967-0634-04-3

## ULASAN

Buku *Diet Vitamin & Herba Penyembuh Penyakit* ini menceritakan pengalaman 21 tahun seorang doktor bersama pesakit-pesakitnya. Pelbagai ragam dan keluhan pesakit seperti sakit kepala, selsema atau masalah-masalah lain yang lebih rumit seperti kemurungan dan ketagihan alkohol, diabetes, hipertasi dan penyakit jantung.

Buku ini merupakan petunjuk kesihatan, mengandungi keterangan yang boleh diikuti untuk mengatasi sendiri gangguan yang dibiasanya diubati oleh para doktor. Kebanyakan gangguan tersebut disebabkan oleh kekeliruan nutrisi atau masalah pemakanan boleh menimbulkan ketidak-seimbangan metabolisme, yang berkaitan dengan kelebihan zat-zat tertentu dalam pola pemakanan kita.

Herba memainkan peranan penting kepada nenek moyang kita kerana mereka lah yang memperkenalkan herba-herba ini secara turun-temurun. Cuma generasi masa kini yang tidak mengetahui kaedah menggunakan dan menghargai herba-herba untuk kesihatan

dalam dan luaran.

Tiada kesan yang buruk kepada kita apabila menggunakan herba-herba tradisional ini tidak seperti kita menggunakan ubatan yang dicipta oleh para saintis. Ubat-ubat moden boleh menyebabkan penyakit sampingan dan gangguan sistem saraf yang teruk. Herba-herba ini biasanya mudah didapati di dapur rumah atau dijual di kedai-kedai. Herba-herba tradisional ini menggunakan kaedah ringkas dan cepat. Sememangnya cara menggunakan herba-herba ini sungguh mudah dan menarik serta memberikan kesan yang sungguh memberangsangkan. Contoh-contoh herba ialah limau nipis, kelapa, bawang merah, bawang besar, bawang putih, biji jintan hitam, mengkudu, kunyit, kulit kayu manis dan sebagainya.

Limau lipis mudah didapati di kampung-kampung dan dijual dengan harga murah. Air limau nipis berkhasiat untuk menyembuhkan penyakit seperti kurap, panau, selsema, bau badan yang busuk, sakit kepala dan untuk menjaga suara. Manakala kelapa pula mempunyai pelbagai kegunaan dari batang hingga ke pucuk. Bawang merah, bawang besar dan bawang putih kegunaannya adalah untuk kulit yang terkena duri, luka akibat paku berkarat, jari berdarah akibat terkena jarum, haid yang tidak teratur dan sakit, menghilangkan bisul dan sebagainya.

Biji jintan hitam pula untuk merawat bengkak di bahagian mata, telinga berdarah, pening akibat sakit telinga, mulut busuk, resdung di muka dan sebagainya. Mengkudu pula boleh digunakan untuk merawat batuk, darah tinggi, sakit perut, kelelumur, kencing manis, sakit kaki dan untuk merawat rambut yang tidak cantik. Kunyit pula boleh digunakan untuk mengubati bengkak merah di badan, apendik, kelopak garam, untuk meredakan kesakitan di saluran peranakan dan untuk merawat muka yang pucat.

Kayu manis ialah sejenis rempah manis dan wangi diperolehi daripada pokok kecil yang digelar cinnamomum zeylanicum. Sejak dahulu kayu manis memang popular sebagai perencah di dapur, dan ada beberapa masakan khas Indonesia yang mensyaratkan kulit kayu manis sebagai perencah wajib untuk mendapatkan masakan yang lazat. Khasiat kayu manis ialah dapat meringankan dan menyembuhkan penyakit radang lambung, tekanan darah tinggi, vertigo, penyakit hati, sariawan, asam urat, reumatik, asma dan

sakit semasa waktu haid. Satu kajian yang dilakukan di Amerika mengungkapkan kulit kayu manis boleh mencegah dan meringankan gejala penyaki kencing manis (diabetes). Pada kulit kayu manis terkandung zat yang merangsang insulin. Aktiviti insulin akan melancarkan proses metabolism glukosa, sehingga kadar gula di dalam darah berada di tahap normal.

Penerapan petunjuk-petunjuk yang diberikan dalam buku ini dalam memilih dengan tepat jenis vitamin, mineral dan mengawal kadar gula dalam darah akan dapat meredakan berbagai keluhan emosional, penyakit-penyakit ringan dan sebagainya. Diharapkan buku ini dapat memberi manfaat kepada semua pembaca.


**Pengulas:**

**Zuraidah Mohamed**

Penolong Pengarah  
Pusat Bibliografi Negara  
Perpustakaan Negara Malaysia

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



AHMAD SYAFIQ JUSOH

**Manisnya cinta si anak muda**

Shah Alam : Grup Buku Karangkraf, 2014. 372ms.

ISBN 978-967-86-0433-8

## ULASAN

Antara nikmat terindah yang Allah hadiahkan buat manusia adalah perasaan cinta. Begitu hebat nikmat dan anugerah ini sehingga sebahagian daripada kita terlupa siapa diri dan arah tuju dunia tatkala dilamar oleh rasa cinta.

*Manisnya Cinta Si Anak Muda* ini ditujukan khusus kepada remaja dan sekalian anak muda yang sedang berjinak-jinak dengan cinta ataupun sedang asyik dilamun rasa cinta. Menyaksikan pelbagai fenomena negatif golongan remaja dengan cinta mereka yang gagal, atau kisah pasangan muda dengan kegagalan pernikahan mereka, telah menggamit hati penulis untuk mengajak kita mencari paksi diri.

Buku hasil nukilan Ahmad Syafiq Jusoh ini mengandungi tujuh bab yang menerangkan secara mendalam tentang cinta. Menurut penulis, cinta kepada Allah dan Rasul wajib menduduki tempat pertama bagi setiap individu. Bagaimana sekalipun kita cinta kepada

makhluk lain, tetapi tidak boleh melangkaui cinta kita terhadap Allah dan Rasul-Nya. Ramai remaja dan anak muda berbicara tentang nikmat cinta dengan bahasa gembira, sehingga mereka terlupa tentang sempadan yang perlu dijaga. Tidak salah sebenarnya membicarakan soal cinta, tetapi biarlah kita sentiasa sedar dan berwaspada.

Melalui beberapa bab di dalam buku ini, penulis mengupas secara terperinci mengenai motivasi dan adab-adab dalam percintaan. Cinta adalah fitrah yang akan menyapa setiap daripada kita. Ia bukan sekadar menghubungkan dua jiwa, bahkan juga dua keluarga. Namun jika cuai menjaga, sekelip mata ia bertukar menjadi fitnah dan ia mampu bertukar menjadi musibah yang meretakkan ikatan bersaudara dalam sekelip mata. Sesungguhnya terdapat perbezaan yang besar antara mereka yang cinta kerana fitrah yang mahu bercinta, dengan mereka yang memanfaatkan fitrah itu hanya untuk bercinta kerana Allah.

Buku ini mengupas dengan mendalam pandangan penulis iaitu asas kepada cinta sudah tentulah cinta terhadap Allah dan Rasul-Nya. Ini bermakna, cinta sesama manusia yang tidak mengenepikan hak Allah dan Rasul-Nya itu adalah yang dibenarkan manakala cinta yang mengenepikan hak Allah dan Rasul-Nya adalah cinta yang salah dan dilarang. Mencintai manusia lain melebihi cinta kepada Allah dan kasih terhadap Rasul, samalah ertinya dengan menjadikan tanah jiwa kering kontang daripada baja dan siraman keimanan.

Penulis turut menghuraikan bahawa orang yang tiada iman di jiwa, pandangannya pada cinta adalah seronok semata-mata. Oleh disebabkan itu mereka gagal sampai kepada martabat cinta yang sepatutnya. Cinta remaja yang murah, ada penghujung dan sentiasa ada penamatnya. Bahkan, kadangkala belum pun mati, cinta itu telah pun terputus dan mereka pergi membawa haluan masing-masing. Tetapi berbeza pula bagi orang yang beriman, harganya sangatlah tinggi kerana yang didamba adalah perhentian yang kekal abadi iaitu rasa cinta dan kasih hanya kepada Allah yang Maha Esa.

Banyak juga isu lain yang turut dibincangkan dalam buku ini antaranya keperluan motivasi di dalam cinta, beberapa salah faham mengenai cinta, adab-adab ketika

bercinta, nasihat dan panduan bagi mereka yang mengalami kegagalan dalam sesebuah perhubungan serta beberapa bicara cinta khas buat para gadis dan jejaka.

Kesimpulan daripada nukilan dan intipati buku ini, pembaca dapat menilai dan memahami jatuh cinta bukan merupakan suatu masalah. Perkara yang menjadi masalah adalah bagaimana remaja menguruskan sesebuah cinta itu. Menyalurkan cinta kepada saluran yang betul adalah tanggungjawab yang sangat berat. Tanpa kawalan, panduan dan bimbingan, remaja cenderung mengikut kata hati masing-masing. Segala penulisan di dalam buku ini dititipkan hasil pembacaan dan pengalaman penulis sendiri. Justeru, diharapkan melalui perkongsian ini dapat memberi iktibar dan panduan berharga khusus buat remaja dan sekalian anak muda dalam mengenali erti cinta yang sebenar.

**Pengulas:**

***Norshazreen Yunos***  
Penolong Pengarah  
Bahagian Pembinaan Koleksi  
Perpustakaan Negara Malaysia

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



ISYAH RADHIAH IDRIS  
**Nikmatnya sakit bersalin**  
Petaling Jaya: Galeri Ilmu, 2014. 478ms.  
ISBN 978-983-097-485-9

## ULASAN

*Nikmatnya Sakit Bersalin* hasil penulisan Isyah Radhiah Idris, merupakan satu platform perkongsian dari segi penyelidikan, pemerhatian dan pengalaman beliau sepanjang melalui tempoh kehamilan dan kelahiran. Buku setebal 478 helaian ini, menghidangkan secara lengkap teori penjagaan semasa mengandung, bersalin, penyusuan dan tempoh berpantang di mana boleh dijadikan rujukan dan panduan bukan sahaja untuk para ibu tetapi juga para bapa.

Buku ini memuatkan sepuluh bab dimana setiap bab membincangkan mengenai pelbagai topik dalam kehamilan dan kelahiran. Seawal bab satu, penulis mengolah pengalaman beliau dalam melahirkan 9 orang cahaya mata di mana terdapat pelbagai halangan dan dugaan yang terpaksa dihadapi. Diantara halangan tersebut ialah dari sudut manusia seperti kepakaran doktor dan jururawat, halangan yang tidak disangka, seperti melahirkan tanpa kehadiran suami, dan juga halangan dari sudut kebendaan seperti kerosakan kenderaan ketika hendak ke hospital. Selain itu, penulis juga

berkongsi tip-tip serta petua bagi menghadapi kontraksi, menikmati kesakitan ketika kontraksi sehingga ke saat kelahiran seorang putera dan puteri. Pengalaman penulis ini menarik perhatian saya lebih-lebih lagi ketika penulis menterjemahkan perasaan geram semasa proses kelahiran. Hampir 50 peratus kandungan buku terletak dalam bab ini di mana ianya seakan-akan diari buat penulis.

Topik kedua menceritakan bagaimana setiap anak itu adalah anugerah Allah yang telah dijamin rezekinya. Malah pada permulaan topik, penulis turut menyelitkan tanda-tanda awal kehamilan, alahan yang bakal dihadapi oleh sesetengah bakal ibu dan cara mengatasinya. Ini dapat dijadikan panduan buat ibu-ibu muda yang baru pertama kali menghadapi saat-saat kehamilan. Makanan dan minuman yang berkhasiat dan bagus untuk ibu mengandung mengikut ajaran Islam seperti yang tertulis dalam al-Quran. Selain itu, kepentingan penjagaan fizikal dan emosi juga turut diselitkan di mana ianya memainkan peranan kepada kesihatan bayi yang dikandung. Menarik perhatian, adalah masalah-masalah kesihatan yang mungkin boleh dihadapi oleh ibu mengandung dan cara-cara untuk menangani masalah ini.

Memasuki bab berikut, penulis menjurus kepada kaedah-kaedah bersalin dan tip-tip bersalin normal. Beberapa tip sebagai usaha kepada ibu bagi mendapatkan kaedah bersalin normal turut dimuatkan. Antara tip dikongsi yang menarik perhatian ialah memperbanyakkan rukuk dan sujud serta tidur dalam keadaan mengiring seperti mana yang telah disunahkan oleh Rasulullah S.A.W. Menghampiri saat kelahiran, terdapat tanda-tanda yang perlu diambil berat oleh ibu bagi mengelakkan sebarang risiko kepada ibu dan bayi sekiranya lewat ke hospital.

Sesudah kelahiran bayi, penerangan berkaitan aspek penyusuan bayi dan pengurusan bayi yang boleh dipelajari oleh bakal ibu. Bukan itu sahaja, penjagaan kepada ibu dalam tempoh berpantang 40 hari serta penjagaan sepanjang tempoh itu. Untuk bab terakhir, doa-doa yang boleh diamalkan oleh ibu daripada saat sebelum mengandung, semasa mengandung, sewaktu akan bersalin, selepas selamat melahirkan, selepas bersalin, semasa menamakan anak dan juga semasa menyusui anak turut disertakan.

Pada pandangan saya, buku ini amat sesuai dibaca oleh bakal-bakal ibu dan anak-anak

kerana isi kandungannya bukan sahaja berguna sepanjang proses kelahiran tetapi juga menginsafkan pembaca bagaimana susah dan sakitnya seorang ibu melahirkan cahaya matanya. Malah, penulis telah memfokuskan penulisan beliau lebih kepada aspek keagamaan dan keredhaan Allah. Ini dapat dilihat apabila penulis kerap kali menyelitkan firman Allah dan hadis nabi di mana secara tidak langsung dapat mendidik pembaca untuk menjadi insan yang lebih baik sebelum melahirkan dan sesudah kelahiran.


**Pengulas:**

***Nor Azlin Sahamed***

Penolong Pengarah  
Pusat Penyerahan Terbitan Negara  
Perpustakaan Negara Malaysia

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



ADIL AKHYAR

**Perubatan sunnah : manfaat bekam bagi kesihatan**

Johor Bahru : Pustaka Azhar, 2014. 127ms.

ISBN 978-967-0506-27-2

## ULASAN

Perubatan dengan berbekam sudah berusia 1500 tahun dan masih diamalkan oleh masyarakat Melayu di Malaysia, Indonesia, Kemboja, Thailand dan Brunei. Bekam merupakan salah satu warisan perubatan Islam yang dianjurkan oleh Rasulullah S.A.W. Bekam bererti membebaskan angin dari dalam badan atau pun mengeluarkan darah kotor dari badan. Dalam bahasa Arab pula dikenali sebagai al-Hijamah yang bermaksud satu kaedah pembersihan darah ataupun angin dengan cara mengeluarkan sisa toksik dalam badan melalui kulit secara sedutan. Pengarang mendapati banyak hadis-hadis Rasulullah S.A.W. dan dalil-dalil yang menyatakan kebaikan bekam. Melalui hadis-hadis, dapat diketahui Rasulullah S.A.W. juga mengamalkan bekam.

Selain mendatangkan hadis-hadis sebagai bukti kebaikan berbekam, penulis telah mengumpulkan bukti-bukti keberkesanan bekam melalui kajian dan pengamalan tokoh-tokoh perubatan dari Barat. Kajian-kajian ini membuktikan bekam merupakan kaedah

yang paling unggul dan sangat berkhasiat untuk mengatasi berbagai-bagai penyakit. Bekam juga merupakan kaedah mencegahan dan penyembuhan yang efektif.

Terdapat empat (4) jenis bekam dinyatakan di dalam buku ini, iaitu Bekam Basah (Wet cupping), Bekam Kering (Dry cupping), Bekam Luncur (Sliding cupping) dan Bekam Tarik (Flash cupping) atau Bekam Cepat. Manakala bagi bekam lintah, ia akan diletakkan pada tubuh manusia, dan akan menghisap darah sehingga jatuh akibat kekenyangan. Dalam proses membekam, lintah turut menghisap angin selain darah dan apabila proses itu tamat, oksigen dalam badan dapat ditingkatkan.

Keberkesanan bekam bergantung kepada beberapa faktor. Di antaranya ialah pemilihan hari dan waktu. Hari yang disarankan untuk berbekam adalah pada hari Isnin, waktu pagi sehingga sebelum maghrib pada setiap pertengahan bulan. Dipercayai pada waktu ini darah kotor lebih berkumpul dan terangsang. Pemilihan waktu dan hari yang salah untuk berbekam dikhuatiri akan menyebabkan sesuatu yang negatif akan berlaku pada badan dan sebaik-baiknya berbekam dilakukan ketika perut kosong (berpuasa). Buku ini juga menyenaraikan pantang larang sebelum, semasa, selepas berbekam serta kawasan-kawasan badan yang ditegah untuk dibekam.


Proses bekam hampir sama dengan akupunktur oleh itu pemilihan titik-titik bekam juga perlu diberi perhatian. Buku ini mengandungi lapan belas gambarajah titik-titik bekam berdasarkan jenis penyakit sebagai panduan mengenalpasti titik-titik bekam yang tepat. Berbekam bukanlah perubatan alternatif, namun berbekam merupakan perubatan berdasarkan sunnah Rasulullah S.A.W. yang mempunyai satu hikmah yang luar biasa dari segi khasiatnya. Namun, yang menyembuhkan penyakit hanyalah Allah S.W.T. “Berubatlah kalian wahai hamba-hamba Allah, kerana Allah tidak menciptakan penyakit melainkan juga menciptakan ubatnya, kecuali satu penyakit sahaja, iaitu tua”  
(Hadis riwayat Abu Daud, Tirmizi, Ibnu Majah dan Ahmad)

**Pengulas:**

***Siti Manoriah Salleh***

Penolong Pengarah  
Pusat Bibliografi Negara  
Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



TRUMP, DONALD

**Think like a champion : bersama Meredith Mciver.**  
**Ed. bahasa Melayu**

Batu Caves, Selangor : PTS Professional Pub., 2014.  
214ms.

ISBN 378-967-369-232-3

## ULASAN

Buku *Think Like A Champion* ini ditulis oleh seorang tokoh terkenal yang bukan calang-calang dalam bidang hartanah iaitu Donald J. Trump bersama Meredith Mciver. Buku edisi bahasa Melayu ini telah diterjemahkan oleh Fakharoll Rodziee Don. Penulis bukan sahaja terkenal di Amerika Syarikat malah di seluruh dunia menerusi siri rancangan *The Apprentice*. Sebagai seorang usahawan malah jutawan yang berpengaruh membuatkan penulis ingin berkongsi falsafah dan prinsip hidupnya yang luar biasa dengan pembaca agar dapat dijadikan inspirasi untuk bergelar juara seperti beliau. Rahsia dan formula kejayaan beliau turut diterjemahkan melalui koleksi tulisan yang terdapat di dalam buku ini.

Penulis memilih untuk menyampaikan falsafah dan prinsip hidup beliau sama ada dalam bidang perniagaan atau kehidupan melalui penulisan esei pendek. Terdapat 50 esei ringkas tetapi padat dengan maklumat yang terdapat di dalam buku ini yang mana

setiap topik dikupas dan dianalisa sebagai formula yang boleh dijadikan nasihat dan panduan kepada pembaca. Selain itu, setiap topik juga turut disertakan dengan petikan kata-kata daripada tokoh-tokoh serta ahli falsafah terkenal seperti Eleanor Roosevelt, Albert Einstein, Aristotle, Henry Ford, Napoleon, Ralph Waldo Emerson, Abraham Lincoln dan lain-lain.

Pilihanraya Presiden Amerika Syarikat pada November 2008 sebagai contoh telah membawa Amerika Syarikat ke arah dunia yang berbeza. Penulis telah menyatakan pendapat lantang dan jujur ketika diwawancara oleh saluran berita *New York 1* mengenai pilihanraya presiden tersebut dan menyatakan salah seorang calon presiden iaitu Bush sebagai malapetaka kepada Amerika. Walau bagaimanapun, seorang lagi calon iaitu Barrack Obama agak mustahil untuk menang kerana beliau warga kulit hitam. Namun, beliau telah membuktikan gabungan keazaman dan kebijaksanaan mampu membawa kejayaan yang luar biasa.

Bergelar dan berfikir seperti seorang juara bukan sesuatu yang mudah tetapi tidak mustahil. Ibu kandungan buku ini turut menyentuh aspek motivasi kejayaan sama ada dalam bidang perniagaan mahupun kehidupan penulis dengan berkongsi formula kejayaan beliau melalui topik seperti kepentingan semangat kerja berpasukan, budaya inovasi, belajar berfikir dengan pantas, berfikir seperti genius, berani menentang arus dan pelbagai topik lagi. Kejayaan menerbitkan rancangan *The Apprentice* contohnya adalah hasil kerja berpasukan dengan NBC. Oleh itu dengan mengekalkan semangat kerja berpasukan dalam kehidupan peribadi dan profesional dapat memberikan kita beberapa keputusan yang memberangsangkan dan mengejutkan.

Permulaan kerjaya beliau dalam bidang hartanah menunjukkan pemikiran dan tindakan luar biasa yang disokong oleh idea kreatif penulis. Idea untuk menceburi bidang hartanah di Manhattan yang dianggap gila oleh bapa beliau pada ketika itu tidak menghalang penulis untuk menentang arus dan mencapai kejayaan melalui penghasilan projek hartanah mega seperti Triumph International Hotel & Tower. Oleh itu untuk menjadi seorang juara, seseorang itu perlu keluar dari zon selesa dan memanfaatkan kebolehan diri sendiri. Charles de Gaulle seorang contoh tokoh sejarah yang berasal dari keluarga sejarawan telah keluar dari zon selesa dan mendalamai hal-

hal ketenteraan kerana kedegilan diri yang luar biasa.

Prinsip menemui dan menghidupkan matlamat adalah penting dalam menggapai kejayaan. Albert Einstein telah menyatakan “minda yang terbuka pada idea baru tidak akan kembali pada saiz asalnya”. Berpegang pada prinsip tersebut, penulis berkongsi matlamat utama beliau dalam perniagaan dengan melakukan yang terbaik setiap hari, sehingga semaksimum mungkin. Selain itu, untuk bergelar seorang juara dalam apa jua bidang sama ada perniagaan mahupun kehidupan, nilai-nilai intrinsik, sinergi, berfikiran positif perlu diterapkan dalam diri seterusnya diamalkan dalam kehidupan agar mencapai satu standard yang tinggi.


Secara kesuluruhannya, intipati serta kandungan dalam buku ini amat memberikan impak yang besar kepada semua golongan pembaca yang ingin menjadi juara dalam bidang yang diceburi terutamanya bidang perniagaan kerana contoh, pengalaman serta analisis penulis berkenaan sesuatu topik dapat dijadikan sebagai sumber inspirasi kepada pembaca. Gaya penulisan yang ringkas, padat serta disulami dengan contoh-contoh daripada pemikir serta tokoh terkenal seperti Aristotle, Winston Churchill, Warren Buffet malah pengalaman penulis sendiri menjadikan pembaca lebih jelas mengenai isi kandungan buku ini seperti petikan kata-kata Robert Kiyosaki, “Buku ini lebih berharga daripada wang.”

**Pengulas:**

***Nurul Hazwani Rosli***

Penolong Pengarah  
Bahagian Pembinaan Koleksi  
Perpustakaan Negara Malaysia


## SINOPSIS BUKU



AFIFI, JOHN  
**50 sifat orang kaya yang diberkati**  
Batu Caves, Selangor : Ar-Risalah Product, 2014.  
156ms.  
ISBN 978-967-448-018-9

Setiap orang pasti ingin menjadi kaya. Bagaimana hendak menjadi kaya? Inilah persoalan besar yang sering ditimbulkan. Ikhtiar dan kebijaksanaan masing-masing serta limpahan kurnia daripada Allah S.W.T. akan menjadi penentu datangnya kekayaan itu. Anugerah bakat dan potensi luar biasa yang dikembangkan secara positif adalah pemangkin ke arah kekayaan. Oleh itu, mengetahui potensi diri dan bakat yang ada di dalam diri adalah kunci untuk menjadi kaya. Melalui buku ini, pembaca akan memperoleh tip dan panduan untuk mengetahui tentang potensi dan bakat yang ada di dalam diri masing-masing. Buku ini juga mendedahkan bagaimana setiap orang yang lahir ke dunia ini mempunyai potensi diri dan strategi yang boleh digunakan dalam mencapai hasrat menjadi kaya dengan cara yang betul.

## SINOPSIS BUKU



**7 peristiwa yang mengejutkan manusia**


Johor Bahru, Johor :  
Pustaka Azhar, 2014.  
165ms.

ISBN 978-967-0506-42-5

Judul buku ini diangkat berdasarkan sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud “Segeralah kamu beramal sebelum datang tujuh perkara, apakah kamu akan menanti hingga datang kemiskinan yang membuat kamu lupa, ataupun kaya yang membuat kamu sombang, ataupun sakit yang merosakkan kehidupan kamu, ataupun tua yang melemahkan kekuatan, ataupun kematian yang datang secara tiba-tiba, ataupun datangnya dajal, iaitu makhluk ghaib yang paling buruk, ataupun datangnya hari kiamat, iaitu hari yang sangat dahsyat dan mengerikan?” Berdasarkan hadis di atas Nabi Muhammad S.A.W. memohon agar semua umatnya beramal soleh sebelum datang tujuh perkara ini. Kandungan buku ini banyak sekali menyertakan hadis-hadis dan kisah-kisah nabi yang terdahulu untuk tatapan pembaca untuk dihayati dan dijadikan ikhtibar. Penulis turut menyeru agar kita bersama-sama bermuhasabah diri dan beramal soleh sebelum datangnya tujuh perkara tersebut, dan menekankan bahawa dunia ini ialah tempat untuk beramal sedangkan akhirat ialah tempat menerima balasan dan tidak berpeluang lagi untuk kita beramal.

# Sari Pustaka


## SINOPSIS BUKU



AL-BADWI, KHALIL  
**Atasi sakit dengan urut &**  
**jampi sendiri**  
Batu Caves, Selangor : Al-  
Hidayah Publication. 2014.  
186 ms.  
ISBN 978-967-368-203-4

Berubat atau mendapatkan rawatan merupakan salah satu ikhtiar untuk mendapat kesembuhan atau meredakan kesakitan yang kita alami. Sehubungan itu, buku ini memberikan pembaca cara alternatif untuk meredakan kesakitan dengan rawatan yang boleh dilakukan oleh diri sendiri. Menariknya ia juga dilengkapi dengan gambar dan ilustrasi sebagai panduan untuk semua pembaca. Semoga dengan usaha penyusun buku ini, dapat kita ambil ilmu dan manfaat daripadanya untuk kita menikmati kehidupan ini dengan penuh rasa syukur, sabar dan tawakal kepada Allah S.W.T. Sungguhnya kesembuhan datang daripada Allah S.W.T. manakala cara dan bagaimana untuk mendapatkan kesembuhan itu adalah usaha yang boleh kita lakukan selagi tidak menyimpang daripada jalan Islam.

## SINOPSIS BUKU




NORDIANA BT ABDULLAH

NORDIANA ABDULLAH  
**Bagaimana emas menjaga & mengkayakan tuannya???**  
Hulu Terengganu,  
Terengganu : Diaz Permata Enterprise, 2014. 74ms.  
ISBN 978-967-12630-0-6

Buku setebal 70 halaman ini memperincikan perihal emas. Penulis memulakan huraianya dengan berkongsi sejarah emas yang pernah digunakan sebagai matawang dan perhiasan wanita. Emas dan perak merupakan pemegang nilai yang hebat dibandingkan dengan wang kertas, lebih stabil dan lebih tahan terhadap inflasi. 1 dinar pada zaman Nabi S.A.W boleh digunakan untuk membeli 1-2 ekor kambing. Penulis turut berkongsi tips menyimpan emas seperti mengasingkan 10% daripada gaji bulanan, menyimpan duit lebihan harian dan mengasingkan wang RM1 atau RM5 yang terkumpul digunakan untuk membeli emas. Ternyata nilai emas lebih stabil dan selamat digunakan dan disimpan kerana emas tidak boleh dimanipulasi oleh manusia, emas kalis inflasi, emas adalah aset, nilai emas kekal selama-lamanya, emas merupakan kekayaan dan duit yang sebenar, emas mempunyai perlindungan dari segi nilai, emas mudah dicairkan dan emas menguntungkan.


## SINOPSIS BUKU



PUTERI ROSLINA ABDUL WAHID  
**Bahasa dalam komunikasi kanak-kanak sindrom down**  
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014.  
223ms.  
ISBN 978-983-46-1599-4

Sindrom Down merupakan keadaan kongenital akibat kelainan pada kromosom apabila berlaku ketidaksempurnaan kromosom dalam tiap-tiap pecahan sel sewaktu konsepsi. Penulis turut menjelaskan tentang fizikal kanak-kanak sindrom down yang mudah dikenali sejak mereka lahir. Kanak-kanak sindrom down memerlukan perhatian yang lebih daripada ibu bapa supaya mereka dapat membesar sempurna walaupun ianya mengambil masa dalam pembentukan sahsiah mereka. Perkara penting dalam hubungan antara anak sindrom down dengan masyarakat disekitarnya ialah bahasa dan komunikasi agar mesej dapat disampaikan dan diterima dengan tepat. Buku ini amat berfaedah untuk golongan yang ingin berumahtangga, ibu bapa, pensyarah dan para pelajar bidang pendidikan khas serta individu yang mempunyai anak atau ahli keluarga yang memiliki sindrom down kerana ianya meliputi pelbagai perkara yang boleh dijadikan panduan dan rujukan.


## SINOPSIS BUKU



MOHD. AFFANDI HASSAN  
**Balai Maqamat**  
Kuala Lumpur : Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2014. 400ms.  
ISBN 978-967-430-519-2

*Balai Maqamat* merupakan himpunan cerita yang membincangkan isu semasa dengan idea kritis, komentar, dan struktur naratif fiktif. Balai atau bahagian dalam buku ini mengandungi cerita tersendiri dengan pelbagai kisah. Cerita bercorak cerpen dan anekdot dengan kritikan-kritikan idea yang kritis. Cerita atau kisah berkisar mengenai masyarakat di Malaysia, terutamanya dalam aspek pemikiran. Unsur kesusasteraan agak tinggi dan perlu kepada penghayatan pembacaan yang memerlukan pembaca berfikir dengan kisah yang ditulis. Walaupun agak menjurus kepada kesusasteraan, ceritanya ada yang diselitkan dengan unsur lelucon, serius dan ada kalanya boleh membuat pembaca marah dan geram. Pembaca perlu membaca dengan penghayatan yang mendalam kerana jika membaca seimbas lalu ianya sukar untuk difahami, dan idea yang ingin disampaikan oleh penulis tidak akan tercapai.


## SINOPSIS BUKU



TAN, YAO SUA,  
KAMARUDIN NGAH DAN  
MOHD SHAH IMRAN LIM  
ABDULLAH  
**Budaya makanan Cina  
Peranakan Terengganu  
dan Kelantan**  
Petaling Jaya, Selangor :  
Strategic Information and  
Research Development  
Centre, 2014. 107ms.  
ISBN 978-967-0630-26-7

Monograf ini meninjau budaya makanan dua kumpulan Cina Peranakan yang menetap di pantai timur Semenanjung Malaysia, iaitu Cina Peranakan Tirok di negeri Terengganu dan Cina Peranakan Pasir Parit di negeri Kelantan. Tumpuan utamanya adalah terhadap dua jenis makanan yang memperlihatkan kedinamikan kedua-dua kumpulan Cina Peranakan ini menyelaraskan identiti mereka, iaitu identiti Melayu yang dipupuk menerusi proses akulterasi dan identiti asal yang diwarisi daripada generasi awal. Dua jenis makanan tersebut ialah makanan harian yang dipengaruhi oleh budaya pemakanan penduduk Melayu tempatan dan makanan upacara penyembahan nenek moyang yang disediakan untuk memperkuuh ikatan primordial mereka. Cina Peranakan Tirok dan Pasir Parit menyelaraskan identiti mereka menerusi budaya makanan mereka yang bersifat silang budaya.


## SINOPSIS BUKU



AZHAR IBRAHIM ALWEE  
**Cendiakawan Melayu  
penyuluhan emansipasi**  
Petaling Jaya, Selangor : Strategic Information and Research Development Centre, 2014. 258ms.  
ISBN 978-967-0630-13-7

Buku ini adalah himpunan makalah-makalah mengenai para inteligensia khasnya dari sudut gagasan pemikiran yang mereka bawa. Pendek kata, para inteligensia kita seharusnya memikul tugas kemanusiaan dengan berfungsi sebagai peninjau idea dan penggerak menyanggah autoriti kuku besi dan salah guna kuasa, serta mengungkap gagasan idealisme pembaharuan yang boleh diterokai dalam masyarakatnya, dengan menyemai pemikiran kritis dan kreatif yang penting dalam mengukuhkan budaya berfikir. Apatah lagi, di saat-saat ketaksuban idea dan rasa *defensive* apabila identiti agama atau budaya kita dipalitkan dengan penjenayah, keganasan dan rasisme, adalah menjadi kewajiban di kalangan para inteligensia iaitu memperbetulkan prejudis manusia yang senang mencari kambing hitam sebagai sasaran kebencianya iaitu; mengafirmasi *moral restraint* dalam keadaan saling tuduh dan saling berdendam dan menepis segala bentuk dogmatisme yang datang menjelma dalam berbagai aliran pemikiran baik agama, kebudayaan, politik dan sebagainya.

## SINOPSIS BUKU




ADAM CHOLIL

**Dahsyatnya doa anak**

Batu Caves, Selangor : PTS  
Millennia, 2014. 153ms.  
ISBN 978-967-411-195-3

Buku ini menjelaskan betapa hebatnya doa seorang anak untuk ibu bapanya dan juga beberapa keuntungan yang diperolehi ibu bapa yang mempunyai anak-anak soleh. Anak soleh adalah harta yang tidak terhingga nilainya kepada setiap keluarga. Doa yang dimohon oleh anak itu, umpama cahaya yang dapat menerangi kegelapan kubur, berserta haruman yang menjadi penenang dan peneman kubur kedua-dua orang tuanya. *Dahsyatnya Doa Anak* mengetengahkan, betapa anak soleh dapat menitipkan doa dan memberikan syafaat yang dapat menyelamatkan ibu dan bapa mereka daripada kepanasan api neraka. Semoga kehadiran buku ini dapat mendorong kita semua berusaha sedaya upaya bagi melahirkan anak-anak soleh yang akan menjadi pelaburan jangka panjang untuk ibu bapa.

## SINOPSIS BUKU




BADARUDIN HAJI MAT  
ISA, DATO' AND  
SYAHRUL NIZAM  
KAMARUZZAMAN  
**Fire safety audit of  
buildings**

Kuala Lumpur : University  
of Malaya Press, 2014.  
116p.  
ISBN 978-983-100-710-5

This book is based on the authors work in fire safety audit of building in China, Malaysia and Indonesia. In explaining the importance of the fire safety audit, it covers the possible causes of the fire and preparations to conduct a fire safe audit. This book also serves as a handy reference for building owners, property managers, service contractors, building surveyors, and insurance companies as they need to be knowledgeable about the efficacy and appropriateness of essential fire safety measures used in buildings. Homeowners and those residing or working in buildings would also find this book useful in improving their awareness and knowledge of fire safety. This book will be useful for students in disciplines that require some knowledge of fire safety.


## SINOPSIS BUKU



RIZKY BANJARY DAN  
ABDULLAH AL-MUSTOFA  
**Formula mudah solat**  
Batu Caves, Selangor : Must  
Read, 2014. 141ms.  
ISBN 978-967-0392-91-2

Solat merupakan ibadah paling utama, dan yang pertama akan ditanya di akhirat kelak. Buku bermula surat 141 ini memberi peringatan kepada kita agar mengambil berat tentang keperluan solat dan memberi penjelasan agar tidak mencipta alasan untuk meninggalkan solat. Penjelasan turut diselitkan kisah-kisah teladan sebagai panduan, dikuatkan lagi hujahan dengan ayat-ayat al-Quran dan hadis. Pengisian diolah dengan bahasa dan ayat yang mudah difahami agar pembaca berasa terkesan setelah membaca buku ini. Keringanan dalam menunaikan solat dalam pelbagai keadaan dan situasi membolehkan seseorang muslim itu mengerjakannya dengan selesa dan sempurna, seperti ketika sakit, bermusafir dan berperang. Buku ini juga turut berkongsi kepada satu cerita mengenai seorang rakyat Amerika yang memeluk Islam pada usia 15 tahun dan jalan penyelesaian kepada kemusykilan-kemusyilan yang biasa berlaku seperti hukum memejam mata ketika solat dan lain-lain.

## SINOPSIS BUKU



**Integrated electronics :  
design and systems**  
Kangar, Perlis : Penerbit  
Universiti Malaysia Perlis,  
2013. 138p.  
ISBN 978-967-5415-62-3

The electronics industry has undergone a fundamental transformation during the last decade. This book systematically examines various subject areas important to integrated electronics and should be an excellent desk reference electronics engineers interested in gaining an overview of this emerging field. Furthermore, there is a need to strengthen the education of our future electronics engineers in the area of integrated electronics. In addition to structurally organizing the book from basic designs to advances topics, each chapter and subject area are covered in the beginning with basic principles and fundamentals. Each chapter also gives an overview of the specific subject, and goes into details with selected examples so that there is an in depth discussion with extensive references.

## SINOPSIS BUKU




NIK YUSRI MUSA  
**Jom tanya ustaz**  
Petaling Jaya : Galeri Ilmu,  
2014. 136ms.  
ISBN 978-983-097-468-2

*Jom Tanya Ustaz* siri 3 ini menghimpunkan 200 persoalan yang sering ditanya anak-anak dan sering menimbulkan kebuntuan ibu bapa untuk menjawapnya. Buku ini dibahagikan mengikut bab iaitu bab fikah, al-Quran, akhlak dan persoalan umum. Segala persoalan dijawap dengan jelas beserta nas-nas al-Quran dan hadis yang bersandar kepada permasalahan tersebut. Bab fikah merangkumi masalah bersuci, bersolat, puasa dan zakat. Manakala bab akhlak pula membincangkan permasalahan akhlak anak-anak terhadap ibu bapa, kawan-kawan, saudara-mara dan perkara-perkara yang berkaitan dengan kehidupan seharian. Buku ini sesuai dibaca oleh kanak-kanak yang berusia di antara 7-15 tahun atau ibu bapa yang mempunyai anak yang berusia di dalam lingkungan tersebut.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU



SITI ZARINAH SAHIB,  
LATIFFAH ABDUL LATIFF,  
ANDI ANGGERIANA ANDI  
ASRI  
**Kanser 1 anugerah**  
Serdang, Selangor : Pusat  
Sumber & Pendidikan  
Kanser, Universiti Putra  
Malaysia, 2014. 181ms.  
ISBN 978-967-10928-7-3

Buku ini merupakan sebuah buku yang mengandungi koleksi kisah pesakit kanser yang positif dan tabah dalam meneruskan kehidupan mereka sebagai penghidap kanser. Ada di antara mereka yang telah melalui kesakitan dan kesusahan dalam menjalani rawatan, penjagaan,kekangan kewangan dan kawalan emosi sejak didiagnos. Namun, berkat usaha dan kekentalan jiwa berhadapan dengan penyakit kanser, mereka ini sudah mampu mengukir senyuman dan redha dengan ketentuan yang telah diberikan untuk mereka. Buku ini dihasilkan khas buat pembaca agar kisah mereka ini mampu dijadikan panduan dan pembakar semangat untuk terus kuat menghadapi cabaran yang mendatang. Sesungguhnya, keredhaan dalam menerima dugaan sebagai satu 'anugerah' dalam hidup ternyata berjaya menghasilkan sinar dalam hidup mereka kini.

# Sari Pustaka


## SINOPSIS BUKU



ADZHAR IBRAHIM  
**Kusambut kelahiranmu :  
nota untuk ayah & ibu**  
Petaling Jaya : Galeri Ilmu,  
2014. 298ms.  
ISBN 978-983-097-473-6

Buku ini didatangkan dalam bentuk yang ekslusif untuk keselesaan pembaca yang bertujuan untuk memberi kesedaran kepada pembaca bagi meningkat kefahaman tentang peri pentingnya menjaga zuriat di dalam Islam. Ia memuatkan 1000 nama anak berdasarkan nama tokoh-tokoh Islam terulung serta panduan menyambut kelahiran mengikut sunnah Nabi Muhammad S.A.W. beserta doa-doa amalannya. Amalan-amalan ini dinukilkan daripada hadis-hadis Rasulullah S.A.W., sama ada melalui perbuatan Baginda sendiri atau melalui perbuatan para sahabat berpandukan suruhan Nabi. Buku ini juga menghimpunkan maklumat yang jarang diketahui di sebalik nama-nama yang hebat sekaligus memberikan motivasi dan inspirasi untuk mencontohi kehebatan mereka. Buku ini wajar dimiliki oleh setiap ibu bapa, khususnya mereka yang bakal menimang cahaya mata.

## SINOPSIS BUKU



PUTRA, SITI ATAVA  
RIZEMA

**Lintah dan khasiatnya. Ed.  
bahasa Melayu**


Batu Caves, Selangor : Ar-  
Risalah Product, 2014.  
126ms.

ISBN 978-967-0268-94-1

Mungkin bagi sebahagian orang berpandangan lintah adalah sejenis haiwan yang agak menjijikkan. Hal ini disebabkan oleh ciri bentuk tubuhnya yang licin dan berwarna gelap yang membuatkannya kelihatan menggelikan. Ditambah lagi dengan sifatnya yang menghisap darah manusia mahu pun haiwan lalu menimbulkan lagi rasa ngeri dan jijik. Namun perlu kita ketahui bahawa di sebalik ciri-ciri tubuhnya yang menjijikkan itu terdapat sejuta khasiat dari haiwan ini. Pelbagai kajian yang dilakukan oleh pakar perubatan telah membuktikan bahawa lintah dapat mengubati pelbagai penyakit degeneratif, bermula dari penyakit yang ringan sehingga kepada yang berat. Khasiat lintah melalui kaedah hirudoterapi atau terapi diyakini dapat mengubati penyakit kulit seperti ekzema, kudis, kurap, bisul, kusta, panau dan sebagainya. Terapi menggunakan lintah juga turut berperanan bagi mengatasi masalah obesiti. Dalam buku ini juga disertakan contoh kaedah dan cara rawatan serta testimoni dan pengalaman dari pesakit-pesakit yang pernah menggunakan lintah sebagai rawatan alternatif.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU



### Mencari rezeki halal dunia & akhirat

Kuala Lumpur : Progressive Pub., 2014. 171ms.  
ISBN 978-967-0228-53-2

Rezeki, ajal, maut, jodoh dan pertemuan adalah ketentuan Allah. Mencari dan mendapatkan rezeki yang halal merupakan kewajipan setiap umat Islam yang disertai dengan peraturan dan syarat yang perlu dipatuhi. Bagaimana cara untuk memperoleh rezeki yang halal? Dijelaskan dan dinyatakan dalam buku ini satu persatu berpandukan kepada al-Quran mengenai rezeki yang halal di dunia dan akhirat. Akhlak seseorang itu merupakan perkara penting dalam mencari rezeki yang halal dan berkat sebagaimana yang dijelaskan oleh buku ini. Selain itu, buku ini juga menyelitkan mengenai zakat yang menjadi salah satu sumber kekayaan umat Islam dalam membantu pembangunan ummah. Buku ini sesuai dibaca oleh semua lapisan masyarakat kerana penjelasan yang ringkas dan mudah difahami serta sesuai untuk yang ingin menambahkan ilmu pengetahuan.

## SINOPSIS BUKU




ABU MUFIZUL IZZI  
**MH370 : diselubungi misteri, spekulasi dan konspirasi**  
Kuala Lumpur : Darul Taklim, 2014. 218ms.  
ISBN 978-967-12520-2-4

Setiap kejadian di atas muka bumi ini ada hikmahnya. Walau bagaimanapun tidak semua orang dapat melihat hikmah yang tersirat dalam sesuatu kejadian itu. Ini kerana hikmah Allah SWT itu tersembunyi dan perlu difikirkan dan direnung dengan minda dan hati yang terbuka. Tragedi yang menimpa MH370 juga tidak dapat lari daripada hikmah yang ingin disampaikan oleh-Nya, khususnya di Malaysia dan amnya di seluruh dunia. Ada pengajaran, iktibar dan ingatan di sebalik peristiwa tersebut. Antara hikmah yang perlu dicari adalah menemukan beberapa kelemahan daripada sistem pengurusan dan SOP yang dibuat jika berlaku insiden seperti ini. Buku ini mengajak pembaca untuk merenung akan tragedi ini dengan mata hati. Catatan fakta dan teori yang dipaparkan hanyalah lontaran idea sebagai pembuka minda untuk pembaca terus meneroka misteri ini.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




AHMAD IQRAM MOHAMAD NOOR  
**Misteri bahtera Nabi Nuh : fenomena banjir besar dalam sejarah**  
Batu Caves, Selangor : PTS Millenia, 2014. 172 ms.  
ISBN 978-967-411-047-5

Kisah Nabi Nuh dan banjir besar telah banyak diceritakan dalam kitab Taurat, Injil dan al-Quran. Kisah baginda juga banyak terdapat dalam agama dan budaya lain sehingga terdapat 72 versi adaptasi daripada al-Quran dan Bible yang menceritakan kisah yang sama dengan unsur-unsur khayalan. Melalui penghasilan buku ini, ia membongkar kisah agung seorang rasul yang menjadi sebutan pelbagai agama dan budaya daripada aspek agama, sejarah dan sains yang berpandukan kepada al-Quran, hadith, Bible dan Veda. Buku ini membuktikan tentang kebenaran al-Quran terhadap fenomena banjir besar yang dahsyat yang pernah melanda pada ketika dahulu. Turut dimuatkan adalah tentang bahtera yang dibina oleh Nabi Nuh yang berdasarkan kepada kajian penulis melalui tafsir al-Quran dan sejarah para nabi.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




MUHAMAD DHIAUDDIN  
**Panduan ibadah umrah & ziarah**

Johor Bahru : Pustaka Azhar, 2014. 142ms.  
ISBN 978-967-0506-17-3

Umrah adalah haji kecil yang diambil daripada perkataan *al-l'timar* (ziarah). Umrah adalah ibadah yang disebut dalam al-Quran bersama ibadah Haji. Berdasarkan sabda Rasulullah SAW '*Haji dan Umrah itu diwajibkan ke atas kamu (setelah cukup syaratnya) dan kamu boleh mengerjakan yang mana terlebih dahulu*'. Jelas sekali umrah diwajibkan ke atas semua orang Islam yang telah memenuhi syarat iaitu sekali dalam seumur hidup dan disunatkan mengerjakannya berulang kali. Umrah bererti berziarah ke Baitullah di Mekah dengan berihram umrah untuk mengerjakan tawaf, saie dan lain-lain rukun. Orang yang mengerjakan umrah akan berniat ihram umrah dari Miqat, mengerjakan Tawaf Qudum, bersaie dan seterusnya bertahallul dari ihramnya dengan bercukur atau bergunting. Buku ini menyediakan panduan lengkap untuk mengerjakan umrah dan ziarah. Kaedah penyampaian diperjelaskan dengan mudah untuk pembaca memahami berkaitan umrah yang meliputi rukun umrah, perkara wajib dan sunat dalam umrah, ziarah di Mekah dan Madinah serta doa-doa ketika umrah dan ziarah. Pastinya mengerjakan umrah bukan sekadar kita melakukan ibadah malahan melalui satu perjalanan rohani semasa kita menjadi tetamu Allah.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




MAHFODZ MOHAMED,  
DATO' ... [et al.]  
**Pelaksanaan kanun  
jenayah syari'ah : teori &  
realiti**  
Batu Caves, Selangor :  
KUIZM Publication, 2014.  
192ms.  
ISBN 978-967-12694-0-4

Buku ini merupakan kompilasi kertas kerja yang dihasilkan oleh enam orang pengkaji undang-undang syariah dan ahli akademik yang dibentangkan dalam program "Seminggu Bersama Hudud". Ianya membincangkan tentang perundangan jenayah Syariah, hubungan antara jenayah dan 'aqidah selain menjawab isu-isu kepada kekeliruan yang timbulkan dalam masyarakat setempat atau tidak. Selain itu buku ini bertujuan untuk memberi kefahaman kepada masyarakat tentang undang-undang Syariah, tuntutan pelaksanaan serta teori dan realiti pelaksanaannya. Fokus perbincangan dalam kertas kerja ini adalah untuk merealisasikan pelaksanaan Rang Undang-Undang Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 Kerajaan Negeri Kelantan. Isi kandungan buku ini juga dapat membantu menangkis serangan musuh-musuh Islam yang sentiasa memperlekehkan undang-undang Syariah dan meningkatkan kefahaman bagi yang masih keliru.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




JUPIKELY JAMES SILIP  
**Pengenalan kepada fisiologi dan teknologi pengendalian lepas tuai hasilan tanaman**

Puchong, Selangor :  
Penerbitan Multimedia,  
2014. 201ms.

ISBN 978-967-374-288-2

Buku ini ditulis untuk memperkenalkan tentang Fisiologi dan Teknologi Pengendalian Hasil Tanaman Semasa dan Selepas Dituai. Amalan-amalan di ladang dan semasa pengendalian yang menyebabkan kerugian selepas tuai dibincangkan serta teknik-teknik yang sesuai bagi mengurangkan kerugian yang mungkin dialami. Antara teknik-teknik tersebut adalah, teknik penentuan masa menuai yang ideal dan penentuan indeks kematangan hasilan, penggunaan pra penyejukan, penggredan, pembungkusan, pelilinan, peranuman dan pembangunan bilik simpanan sejuk. Perubahan-perubahan biofizik dan biokimia dalam hasilan tanaman dan faktor-faktor yang mempengaruhi kualiti hasil sebelum, semasa dan selepas tuai juga turut dibincangkan. Turut dimuatkan di dalam buku ini adalah maklumat tentang fisiologi dan teknologi lepas tuai secara lebih lanjut tentang 10 tanaman terpilih iaitu betik, belimbing, jambu batu, mangga, manggis, nanas, pisang, rambutan, halia, dan orkid.

## SINOPSIS BUKU



MUHD. YUSOF IBRAHIM  
**Penulisan rencana dalam akhbar dan majalah Melayu 1900-1950 : politik**  
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2014.  
227ms.  
ISBN 978-983-46-1478-2

Buku ini merupakan siri pertama bagi siri Penulisan Rencana dalam Majalah dan Akhbar Melayu sekitar tahun 1900-1950. Isu yang dibangkitkan dalam siri pertama ini ialah isu politik dan tanah air. Buku ini memberikan tumpuan terhadap pemikiran dan idea-idea yang berkaitan pengertian politik, bentuk dan sejarah perkembangannya, ideologi, perbandingan pelbagai sistem politik dari zaman silam hingga kira-kira pertengahan abad ke-20 yang lalu (1950), idea-idea politik dunia Timur dan Barat serta unsur-unsur yang disebutkan sebagai sosiologi politik. Buku ini dapat membantu menambahkan dan memperkaya khazanah ilmu negara kita serta menjadi panduan dan rujukan para pengkaji dan khalayak bagi tujuan mendalami pemikiran Melayu yang dipaparkan dalam majalah dan akhbar Melayu lama ini, khususnya dari tahun 1900 hingga tahun 1950.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




LEW, MOI MOOI, NORLIZA  
JAAFAR, NORULAZILAH  
NORDIN  
**Perkembangan kanak-kanak**

Kuala Lumpur : Freemind Horizons, 2014. 155ms.  
ISBN 978-967-059013-4

Buku ini ditulis khusus untuk memenuhi keperluan pelajar-pelajar yang mengikuti kursus pendidikan seperti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP). Selain berfungsi sebagai buku teks, buku ini membimbing pelajar memahami konsep dan ciri-ciri tentang tajuk yang dibincangkan tetapi juga sesuai sebagai bahan rujukan kendiri kerana dilengkapi contoh serta huraiyan yang mesra pembaca. Buku ini mengandungi lapan bab beserta soalan-soalan tutorial untuk tujuan pengukuhan. Topik-topik yang terkandung dalam buku ini adalah sesuai sebagai bahan rujukan untuk pelajar mendalami ilmu psikologi perkembangan yang dianggap penting dalam menangani masalah pembelajaran murid-murid di peringkat prasekolah, sekolah rendah dan menengah yang ada kaitan dengan sejarah perkembangan individu. Penghuraian teori yang mudah dan aplikasinya dalam pengajaran dan pembelajaran dapat membantu guru menyampaikan ilmu pengetahuan dengan berkesan.

## SINOPSIS BUKU




ASMAWATI DESA  
**Psikologi kejururawatan**  
Subang Jaya, Selangor : SJ Learning, 2014. 384ms.  
ISBN 978-967-12649-0-4

Jururawat memainkan peranan penting dalam sistem penjagaan kesihatan kerana bekerja dengan pesakit di hospital dan pusat-pusat serta institusi rawatan yang lain. Sebagai jururawat, beliau juga harus mempelajari bidang psikologi yang membantu memahami pelbagai emosi, sikap dan motif yang kompleks di kalangan pesakit dan orang lain yang berinteraksi dengan mereka. Untuk menjadi jururawat yang peka adalah disarankan agar cuba memahami emosi melalui ekspresi muka yang ditunjukkan pesakit. Dengan cara itu lebih mudah bagi jururawat memahami keadaan pesakit dan menjalankan rawatan sebaik mungkin. Sebagai seorang jururawat yang berjaya harus mampu membuat penyesuaian yang baik dan mempunyai minat yang tinggi terhadap kerjayanya.

# Sari Pustaka


## SINOPSIS BUKU



MOHAMMAD UZAIR  
ABDUL AZIZ  
**Rahsia wuduk**  
Rawang, Selangor : Pustaka Ilmuwan, 2014. 105ms.  
ISBN 978-967-5778-94-0

Buku ini menerangkan secara terperinci betapa hebatnya tenaga wuduk kepada umat Islam dan kesannya kepada para pengamal wuduk yang sempurna. Wuduk merupakan sebahagian dari iman. Wuduk menyediakan manusia untuk melupakan dunia dan kebendaan serta menumpukan kepada rohani. Selain itu, wuduk juga mengusir kemalasan, mengantuk serta meningkatkan kecerdasan dan semangat serta menyediakan roh dan jiwa untuk berdiri di hadapan Allah S.A.W. Seseorang yang berwuduk dengan sempurna akan memiliki cahaya dan kegembiraan batin kerana wuduk itu diumpamakan seperti cahaya dan tidur dalam berwuduk dianggap seperti berjaga pada waktu malam. Wajah mereka yang berwuduk akan mencerminkan perasaan damai, tenang, anggun, bersahaja dan berwibawa kerana wajah yang dibasahkan dengan air wuduk akan mengalirkan air rohani kepada jiwa yang memandang.

## SINOPSIS BUKU




### Refleksi isu-isu dalam internship kaunseling di sekolah

Tanjung Malim, Perak :  
Persatuan Kaunselor  
Profesional Berdaftar  
Malaysia (Pakar Malaysia),  
2014. 146ms.  
ISBN 978-967-12653-0-7

Buku ini merupakan sebuah perkongsian ilmu dan pengalaman yang dilalui oleh kaunselor pelatih Universiti Pendidikan Sultan Idris sewaktu menjalani internship kaunseling di sekolah. Ia meliputi isu-isu yang signifikan berlaku dalam lapangan sekolah. Sebanyak sembilan bab yang diutarakan yang meliputi tema yang berbeza-beza. Antaranya adalah penyesuaian kaunselor pelatih dengan warga sekolah, identiti profesional kaunselor pelatih, budaya sekolah dan isu-isu penerimaan bimbingan dan kaunseling di sekolah. Terdapat juga strategi penambahbaikan yang dicadangkan oleh kaunselor pelatih dalam usaha menangani isu-isu dan cabaran yang dilalui sepanjang tempoh menjalani intership kaunseling. Buku ini amat sesuai sebagai rujukan kepada bakal kaunselor pelatih untuk menjalani internship kaunseling di sekolah.

## SINOPSIS BUKU




MARIAM YUSOF  
**RM9,999 dalam masa 9 bulan**

Mantin, Negeri Sembilan :  
Mariam Yusof, 2014. 62ms.  
ISBN 978-967-12427-0-4

Buku setebal 62 halaman ini memulakan bicaranya dengan mengajar pembaca bagaimana mengumpul wang dengan cara congakan mudah bagi mendapatkan RM9,999 dalam tempoh 9 bulan. Untuk mendapatkan RM9,999 dalam tempoh 9 bulan bermakna pembaca perlu menyimpan RM1,111 sebulan. Penulis memberikan 5 pilihan iaitu menyimpan RM37 sehari selama 30 hari, menyimpan RM44 sehari dalam 25 hari, menyimpan RM55 sehari dalam 20 hari atau menyimpan RM111.11 sehari dalam tempoh 10 hari. Jumlah dan tempoh menabung adalah bergantung kepada kesesuaian dan keselesaan pembaca. Penulis turut memberikan idea bagi menjana pendapatan seperti mengambil upah membaiki laptop, mencuci emas, perkhidmatan mengemas rumah dan perkhidmatan mencuci kereta di rumah. Ternyata buku yang dibahagikan kepada 5 bab ini sesuai dibaca oleh sesiapa sahaja untuk mendapatkan idea mengukuhkan tabungan dan sekaligus mengekalkan motivasi untuk menabung.

## SINOPSIS BUKU



CHOONG, KWAI FATT  
**Selangkah menerokai GST**  
**6% : padat dan mudah**  
**“paham” je!**  
Kuala Lumpur : Peng You Solutions, 2014. 202ms.  
ISBN 978-967-12184-6-4

Dalam pembentangan Bajet 2014, kerajaan telah mengumumkan GST bagi menggantikan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan yang sedia ada. GST telah lama diamalkan dilebih 160 buah negara di dunia. GST akan melibatkan lebih banyak barang dan perkhidmatan yang dulunya tidak dikenakan cukai. Tidak mengira sama ada pengguna atau peniaga, pelaksanaan GST sering dikaitkan dengan isu kenaikan harga seperti kos sara hidup atau kos perniagaan. *Selangkah Menerokai GST* menerangkan tentang persoalan-persoalan berkaitan GST yang sering wujud di kalangan pengguna dan peniaga. Buku ini dapat merungkai segala kekeliruan dan kontroversi berkaitan GST. Buku ini juga sesuai dijadikan rujukan bagi pengendalian perniagaan seperti pendaftaran GST, tuntutan cukai input, kutipan cukai output untuk mengatasi isu GST. Rajah dan contoh turut disertakan supaya pembaca mendapat gambaran yang lebih jelas.


## SINOPSIS BUKU



HASRIZAL ABDUL JAMIL  
**Tak kenal maka tak cinta**  
Batu Caves, Selangor : PTS  
Pop, 2014. 61ms.  
ISBN 978-967-410-224-1

Karya ini adalah naskhah istimewa bagi penulis sempena 17 tahun penglibatan penulis dalam proses berkarya. Penulis telah mencerahkan pengalaman berkarya beliau di saifulislam.com, blog, facebook dan twitter ke dalam bentuk penulisan buku ini. Beberapa tema utama merentasi isu keibubapaan, remaja dan persepsi mereka terhadap kehidupan, agama dan Tuhan telah diterjemahkan dalam bentuk isi kandungan dan ilustrasi kartun yang pasti mengundang pelbagai bicara. Dialog yang disertakan bersama ilustrasi dihimpunkan pada satu demi satu lakaran seni dengan maksud yang tersirat. Di mana para pembaca perlu menghayati dan berfikir bagi memahami maksud yang ingin disampaikan oleh penulis. Lakaran 31 sketsa kehidupan yang diceriakan dengan lebih 50 watak kartun yang berwarna-warni pasti menangkap minat para pembaca. Kehadiran buku ini memenuhi sketsa kehidupan seharian kita, merangkumi nasihat dan teguran yang disampaikan dalam bentuk kasih sayang dan kecintaan penulis terhadap bangsa dan agama. Buku ini wajar dijadikan panduan dalam membentuk diri dan peribadi.

## SINOPSIS BUKU



GHAZALI DAIMIN & MOHD  
HAFIZUL IDHAM  
**Teknik asas lukisan digital**  
Shah Alam : Penerbit  
Universiti Teknologi MARA,  
2014. 104ms.  
ISBN 978-967-363-084-4

Lukisan digital merupakan satu komponen media baru atau teknik melukis terkini yang merujuk kepada rekaan dan karya reka bentuk grafik. Bidang ini telah berkembang maju dan terbukti berjaya dalam seni pengeluaran industri filem, televisyen dan juga permainan video. Buku ini dihasilkan bertujuan untuk memberi pengetahuan tentang reka bentuk grafik digital dalam menghasilkan produk yang meliputi rumah/bangunan, kendaraan, figura dan pembungkusan. Perisian komputer yang digunakan ialah Adobe Illustrator serta dibantu dengan beberapa peralatan lain seperti pengimbas (*scanner*), *external drive* dan *digital camera*. Selain susunan isi kandungan yang berasaskan kepada unsur ilmu akademik dan industri, kandungan buku ini turut memperjelaskan tentang proses dan kemahiran seni reka grafik komputer yang dihasilkan secara berperingkat iaitu mengikut urutan langkah demi langkah (*step by step*). Huraian serta persembahan visual juga membantu dalam memberikan kefahaman secara jelas bagaimana sesuatu produk itu dihasilkan dari peringkat permulaan sehingga akhir produk. Buku ini sesuai sekali untuk dijadikan rujukan dan panduan kepada pelajar-pelajar dalam jurusan reka grafik khususnya sama ada di pusat-pusat pengajian tinggi awam mahu pun swasta.

## SINOPSIS BUKU



**Vaksin untuk bayi anda : mitos vs realiti**  
Batu Caves, Selangor :  
Pertubuhan Amal  
Perubatan Ibnu Sina  
Malaysia (PAPISMA), 2014.  
102ms.  
ISBN 978-967-5907-05-0

Buku ini memperincikan perihal vaksin bermula daripada sejarah vaksin dan apakah yang telah berlaku dalam sejarah kehidupan manusia sehingga terciptanya vaksin. Apakah pula faedah vaksin kepada manusia dalam menangani penyakit? Buku ini turut membincangkan tentang laporan-laporan daripada media-media sosial yang sering memberi gambaran negatif berkaitan vaksin iaitu kesan vaksin kepada kanak-kanak. Vaksin memang mempunyai sedikit kesan sampingan namun faedah kesihatan yang diperolehi ternyata lebih besar jika dibandingkan dengan kesan sampingan tersebut. Status halal haram vaksin turut dikupas. Penulis membincangkan dengan teliti kaedah-kaedah makmal yang digunakan untuk menghasilkan produk akhir vaksin serta maqasid syariah yang digunakan bagi membuat pertimbangan yang rasional dan patuh syariah apabila berhadapan dengan isu halal haram vaksin.

## SINOPSIS BUKU



SHUKOR ISMAIL  
**Variasi seni jahitan  
mengait**


Shah Alam : Grup Buku  
Karangkraf (Alaf 21), 2014.  
168ms.

ISBN 978-983-124-932-1

Buku ini memaparkan seni jahitan mengait jarum satu iaitu khusus untuk mengait hiasan rumah dan aksesori yang mana pada masa kini, seni mengait telah ditransformasikan kepada yang lebih moden. Jika dahulu seni jahitan mengait hanya menggunakan benang bulu biasa dan benang halus, sekarang terdapat pelbagai jenis benang yang lebih berkualiti. Barang yang dihasilkan juga lebih cantik dan menarik. Terdapat pelbagai jenis seni jahitan mengait yang boleh dipelajari bagi menghasilkan barang hiasan seperti cadar, alas meja dan kusyen. Setiap jenis kaitan yang ditunjukkan mempunyai teknik yang berbeza-beza. Pelbagai corak dan paten dapat dihasilkan mengikut cita rasa masing-masing. Buku ini dilengkapkan dengan langkah demi langkah beserta gambar yang jelas untuk memudahkan pembaca. Maklumat serta penerangan yang terperinci mengenai jenis-jenis kaitan juga disertakan.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




ZULFAZLI SUHADI  
**Variasi solekan pengantin berhijab**

Shah Alam : Grup Buku Karangkraf (Alaf 21), 2014.  
160ms.

ISBN 978-983-124-960-4

Buku ini memaparkan gaya solekan langkah demi langkah untuk pengantin berhijab. Fokus utama buku ini adalah tentang konsep solekan pengantin berhijab yang moden. Pelbagai teknik dan gaya tudung yang menarik mampu memberi garapan yang segar dan ekslusif pada solekan. Gaya solekan yang ditunjukkan bukan sahaja sesuai digayakan pada majlis perkahwinan malah sesuai juga untuk acara lain seperti solekan minum petang, makan malam dan sebagainya. Jika anda bertudung jangan takut untuk bergaya dan mengenakan solekan kerana bertudung tidak menghadkan anda untuk bergaya dan berpenampilan menarik di khalayak ramai. Pelbagai gaya anggun dan klasik boleh disatukan agar penampilan menjadi lebih terserlah dan berkeyakinan. Buku ini juga mengandungi pelbagai tip dan panduan cara solekan yang betul serta beberapa asas solekan yang sesuai untuk wanita berhijab.

## SINOPSIS BUKU



**SHEIK AZMI SHEIK OMAR  
Variasi sulaman manik  
timbul 3D**

Shah Alam : Grup Buku Karangkraf (Alaf 21), 2014.  
208ms.

ISBN 978-983-124-933-8

Sulaman manik timbul yang dikenali juga sebagai sulaman manik 3D merupakan salah satu perincian hiasan pakaian yang mempunya daya tarikan sendiri. Sulaman manik timbul akan menjadikan perincian persalinan yang dipakai bertambah cantik dan menarik. Melalui buku ini, pembaca akan dapat mempelajari cara menyulam manik timbul dengan cara yang mudah dan pantas kerana cara sulaman manik timbul adalah berbeza dengan sulaman manik biasa. Terdapat pelbagai reka bentuk sulaman manik timbul yang popular dipaparkan untuk dijadikan idea menghiasi persalinan yang akan digayakan. Apa yang menarik, reka bentuk sulaman manik timbul yang dipaparkan adalah reka bentuk versatile yang menjadi kegemaran ramai. Setiap satunya sesuai untuk perincian hiasan pakaian, selendang dan tudung. Penulis yang berpengalaman menyulam manik timbul ini berkongsi idea, ilmu dan pengalaman beliau melalui naskhah buku ini.